

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)
TERMS & CONDITIONS FOR BALANCE TRANSFER
MUAMALAT AMANAH RAYA VISA PLATINUM-i

These Terms & Conditions are intended to be read together with the Declaration and Terms & Conditions, the Cardholder Agreement, Product Disclosure Sheet (PDS) for Credit Card-i, pamphlets, brochures or any other relevant terms & conditions issued by BMMB ("the Bank") which may be imposed from time to time according to the specific types of facilities bought by the Customer.

DEFINITIONS

The definitions and expressions defined in the Cardholder Agreement shall have the same meanings as those described in this Terms & Conditions for Balance Transfer, unless stated otherwise.

1. THE BALANCE TRANSFER PROGRAMME

- 1.1 The balance transfer programme allows the Cardholder to transfer outstanding balances of credit card / credit card-i which have been issued by other banks or card issuers in Malaysia to BMMB's Credit Card-i account. The transferred amount shall be subject to the terms and conditions herein.
- 1.2 The Cardholder may transfer the balances from more than one (1) bank or card issuer, provided always that the total transferred amount is within the prescribed maximum financing limit set by BMMB.
- 1.3 The maximum balance transfer amount shall be up to 70% of the total limit, or the remaining unutilised limit, whichever is lower.
- 1.4 The balance transfer programme is structured as follows:

Tenor	Profit Rate (One off charge)	Minimum Transfer	Maximum Transfer
6 & 12 months	0%	RM3,000	Up to 70% of limit
24 months	2.5%	RM5,000	

- 1.5 Eligibility:
 - i. Balance transfer is open to all Principal Cardholders of Bank Muamalat Malaysia Berhad Credit Card-i who are Malaysian citizens and aged 21 years old and above.
 - ii. Principal Cardholders who have sufficient available limit in their Credit Card-i facility.
 - iii. Principal Cardholders who have at least 12 months remaining tenor in their Credit Card-i facility or are eligible for extension beyond the current Card's tenor.
 - iv. Principal Cardholders must complete the balance transfer application form and deliver it to the designated officer of BMMB via branches or email to balance.transfer@muamalat.com.my.
 - v. Principal Cardholders who cancel their BMMB Credit Card-i shall not be eligible for Balance Transfer.
- 1.6 BMMB always reserves the right, with provision of notice to the customer, to end, cease, terminate, otherwise change or provide any services, benefits and privileges of the Cardholder at the Bank's discretion.
- 1.7 Upon approval of each application, BMMB will make payment on the approved balance transfer amount to the specified other bank(s) and/or card issuer(s) within five (5) working days. The successful balance transfer transaction will be detailed in the monthly statement. BMMB will notify the Cardholder if the application is not successful.
- 1.8 BMMB always reserves the right to approve or reject this application and to determine the approved outstanding balance amount to be transferred.
- 1.9 No processing fee is charged on the balance transfer transaction.
- 1.10 No charge is imposed on any amount of early settlement of the balance transfer amount.

1.11 The Cardholder shall make the monthly payments towards the approved balance transfer amount in accordance to the plan prescribed by BMMB. An illustration of a 6-month balance transfer is as follows:

Tenor	6 months	Amount Transferred	RM3,000	Monthly Payment	RM500
January		RM3,000		-	
February		RM 2,500		RM 500	
March		RM 2,000		RM 500	
April		RM 1,500		RM 500	
May		RM 1,000		RM 500	
June		RM 500		RM 500	
July		0		RM 500	
August		-		-	

1.12 Should the Cardholder fail to meet the monthly payment amount prescribed, any unpaid monthly amount may incur profit charges in accordance to the Cardholder's prevailing profit tier, or any other profit rate as determined by BMMB.

1.13 The monthly payment must be paid in full as stated in the credit card-i statement each month. Failing to do so, late payment compensation charges of 1% on the outstanding balance of the balance transfer monthly payment (subject to a minimum of RM10 and maximum of RM100) will be imposed. An annual profit charge of 18% per annum will be imposed for any outstanding amount due and remaining unpaid to the Bank under the balance transfer facility.

1.14 The Cardholder shall remain liable to pay the credit card/ credit card-i accounts of other issuers in accordance with the stipulated terms and conditions until such time the balance transfer is transferred. BMMB shall not be liable for any finance charges, card charges, fees, late payment or penalties or related charges imposed by other banks or card issuers prior to the approval of the balance transfer and its subsequent effect.

2. MISCELLANEOUS

2.1 BMMB assumes no liability for any delay, shortage, loss or damage to the form, notification or any correspondent whether via email or any appropriate communication medium.

2.2 The Bank reserves the right to change any or all the above Terms & Conditions whenever deemed necessary by informing the Cardholders within twenty-one (21) calendar days' notice prior to the effective date of the new Terms & Conditions.

2.3 These terms and conditions are supplementary to the terms and conditions stipulated in the Cardholder Agreement.

3. LAW

3.1 These terms and conditions shall be subject to, governed by and construed in accordance with the Laws of Malaysia and the rules, regulations and guidelines of Bank Negara Malaysia (BNM) and other relevant bodies and authority, in force from time to time.

3.2 These terms and conditions is subject to all prevailing provisions of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA) and Anti Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA).

3.3 These terms and conditions are also subject to all prevailing Bank Negara Malaysia's guidelines and directives issued in respect of IFSA and AMLA.

4. ANTI BRIBERY AND CORRUPTION

4.1 All parties are expected to understand and comply with the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (including any amendment thereof). The Bank reserves the right to report any actions or activities suspected of being criminal in nature to the police or other relevant authorities and include to terminate the transaction thereof.

DISCLAIMER:

Although the Bank will put in place reasonable safeguards, the Bank does not warrant that the online applications, instructions, transactions and/or interactions will be provided uninterrupted, free from any errors, computer viruses or other malicious, destructive or corruptive code, or that any defect will be corrected.

**BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD (BMMB)
TERMA & SYARAT UNTUK PEMINDAHAN BAKI
MUAMALAT AMANAHRAYA VISA PLATINUM-i**

Terma & Syarat ini bertujuan untuk dibaca bersama dengan Pengakuan dan Terma & Syarat, Perjanjian Pemegang Kad, Risalah Pendedahan Produk (RPP) untuk Kad Kredit-i, risalah atau mana-mana terma & syarat lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh BMMB ("pihak Bank") boleh dikenakan dari semasa ke semasa mengikut jenis kemudahan tertentu yang dibeli oleh Pelanggan.

DEFINISI

Definisi dan ungkapan yang dinyatakan dalam Perjanjian Pemegang Kad akan mempunyai makna yang sama seperti yang dijelaskan dalam Terma & Syarat ini untuk Pemindahan Baki, kecuali dinyatakan sebaliknya.

1. PROGRAM PEMINDAHAN BAKI

- 1.1 Program pemindahan baki membolehkan Pemegang Kad untuk memindahkan baki kad kredit/kad kredit-i yang telah dikeluarkan oleh bank atau pengeluar kad lain di Malaysia ke akaun Kad Kredit-i BMMB. Jumlah yang dipindahkan akan tertakluk kepada terma dan syarat ini.
- 1.2 Pemegang Kad boleh memindahkan baki dari satu (1) atau lebih bank atau pengeluar kad tersebut, dengan syarat bahawa jumlah keseluruhan yang dipindahkan sentiasa berada dalam had pembiayaan maksimum yang ditetapkan oleh BMMB.
- 1.3 Jumlah maksimum baki yang boleh dipindahkan ialah sehingga 70% daripada jumlah had baki, atau baki had yang belum terpakai, yang mana lebih rendah.
- 1.4 Program pemindahan baki adalah seperti yang berikut:

Tempoh	Kadar Keuntungan (sekali caj)	Pemindahan Minimum	Pemindahan Maksimum
6 & 12 bulan	0%	RM3,000	Sehingga 70% baki
24 bulan	2.5%	RM5,000	

- 1.5 Kelayakan:
 - i. Pemindahan baki adalah terbuka kepada semua Pemegang Kad Utama Kad Kredit-i Bank Muamalat Malaysia Berhad yang merupakan warganegara Malaysia dan berumur 21 tahun ke atas.
 - ii. Pemegang Kad Utama yang ada baki had yang mencukupi dalam kemudahan Kad Kredit-i.
 - iii. Pemegang Kad Utama yang mempunyai sekurang-kurangnya 12 bulan baki tempoh dalam kemudahan Kad Kredit-i atau layak untuk sambungan tempoh lebih dari tempoh Kad yang sedia ada.
 - iv. Pemegang Kad Utama perlu melengkapkan borang permohonan pemindahan baki dan menyerahkan ke pegawai BMMB yang berkenaan melalui cawangan atau e-mel kepada balance.transfer@muamalat.com.my.
 - v. Pemegang Kad yang membatalkan Kad Kredit-i BMMB tidak layak untuk pemindahan baki.
- 1.6 BMMB sentiasa berhak, dengan memberi notis, untuk menamatkan, menghentikan, mengubah atau memberikan apa-apa perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan Pemegang Kad mengikut budi bicara Bank.
- 1.7 Setelah setiap permohonan diluluskan, BMMB akan membuat pembayaran untuk jumlah baki dipindahkan yang diluluskan ke institusi kewangan lain dan/atau pengeluar kad lain yang dinyatakan dalam masa lima (5) hari bekerja. Transaksi pemindahan baki yang berjaya akan dinyatakan dalam penyata bulanan. BMMB akan memberi notis kepada Pemegang Kad jika permohonan tidak berjaya.
- 1.8 BMMB sentiasa berhak untuk meluluskan atau menolak permohonan ini dan untuk menentukan jumlah baki terhutang yang diluluskan untuk pemindahan.
- 1.9 Tiada fi pemprosesan yang dikenakan atas transaksi pemindahan baki.
- 1.10 Tiada bayaran caj yang dikenakan atas apa-apa penyelesaian awal untuk jumlah baki dipindahkan.

1.11 Pemegang Kad perlu membuat bayaran bulanan untuk jumlah baki dipindahkan yang diluluskan mengikut pelan yang diberi oleh BMMB. Ilustrasi bagi 6 bulan baki dipindahkan seperti berikut:

Tempoh :	6 bulan	Jumlah Dipindahkan :	RM3,000	Bayaran Bulanan :	RM500
Januari		RM3,000		-	
Februari		RM 2,500		RM 500	
Mac		RM 2,000		RM 500	
April		RM 1,500		RM 500	
Mei		RM 1,000		RM 500	
Jun		RM 500		RM 500	
Julai		0		RM 500	
Ogos		-		-	

1.12 Sekiranya Pemegang Kad gagal untuk membuat bayaran bulanan yang dinyatakan, apa-apa jumlah bulanan yang tertunggak mungkin akan dikenakan caj keuntungan berdasarkan tahap kadar keuntungan Pemegang Kad Kredit, atau kadar keuntungan lain yang ditentukan oleh BMMB.

1.13 Pembayaran bulanan mesti dibayar penuh seperti yang dinyatakan dalam penyata kad kredit-i setiap bulan. Sekiranya tidak berbuat demikian, caj ganti rugi pembayaran lewat sebanyak 1% atas baki pembayaran bulanan pemindahan baki (tertakluk minimum RM10 dan maksimum RM100) akan dikenakan. Caj keuntungan tahunan sebanyak 18% setahun akan dikenakan atas sebarang jumlah tertunggak yang perlu dibayar dan masih belum dibayar kepada Bank di bawah kemudahan pemindahan baki.

1.14 Pemegang Kad tetap akan bertanggungjawab untuk membayar akaun kad kredit/kad kredit-i pengeluaran lain sepertimana dinyatakan dalam terma dan syarat yang ditetapkan sehingga waktu pemindahan baki dipindahkan. BMMB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang caj kewangan, caj kad, fi, denda pembayaran lewat atau caj berkaitan yang dikenakan oleh bank atau pengeluaran kad lain sebelum permohonan pemindahan baki diluluskan dan mengambil kesan.

2. LAIN-LAIN

2.1 BMMB tidak bertanggungjawab atas kelewatan, kekurangan, kehilangan atau kerosakan pada borang, pemberitahuan atau koresponden sama ada melalui e-mel atau sebarang media hubungan yang sesuai.

2.2 Pihak Bank berhak untuk mengubah mana-mana atau semua Terma & Syarat di atas apabila difikirkan perlu dengan memaklumkan kepada Pemegang Kad dalam tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari tarikh berkuatkuasa Terma & Syarat baharu.

2.3 Terma dan syarat ini adalah tambahan kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian Pemegang Kad.

3. UNDANG-UNDANG

3.1 Terma dan syarat ini tertakluk kepada, diatur dan ditafsirkan berdasarkan Undang-undang Malaysia dan peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia (BNM) dan badan dan pihak berkuasa lain yang berkenaan, yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

3.2 Terma dan syarat ini tertakluk kepada semua peruntukan yang termaktub dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dan Akta Anti Pengubahan Wang Haram, Pembiayaan Anti-Keganasan dan Hasil Aktiviti Tidak Sah 2001 (AMLA).

3.3 Terma dan syarat ini juga tertakluk kepada semua panduan dan arahan Bank Negara Malaysia yang berkaitan dengan IFSA dan AMLA.

4. ANTI SOGOKAN DAN RASUAH

4.1 Semua pihak dikehendaki memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk pindaannya). Pihak Bank berhak untuk melaporkan sebarang tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada polis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan dan termasuk untuk menghentikan transaksi tersebut.

PENAFIAN:

Walaupun pihak Bank akan meletakkan perlindungan yang munasabah, namun pihak Bank tidak menjamin bahawa permohonan, arahan, transaksi dan/atau interaksi dalam talian yang disediakan akan tidak diganggu, bebas daripada sebarang kesilapan, virus komputer atau hasad lain, kod pemusnahan atau pencemaran, atau sebarang kecacatan akan dibetulkan.